



**SURAT PEKELILING KEWANGAN
BILANGAN 11 TAHUN 2021**

**PEROLEHAN PERKHIDMATAN KEPAKARAN
DARIPADA KALANGAN BUKAN PEGAWAI
AWAM DALAM PROGRAM RASMI KERAJAAN DI
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
(UTeM)**

Pejabat Bendahari

19 Julai 2021

Disalinkan kepada :

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat)

Penolong Naib Canselor (Pembangunan & Pengurusan Fasiliti)

Pegawai-Pegawai Kanan

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTeM.03.04.01/100-3/3/2 Jld. 11 (11)

19 Julai 2021

SURAT PEKELILING KEWANGAN BIL. 11/2021

PEROLEHAN PERKHIDMATAN KEPAKARAN DARIPADA KALANGAN BUKAN PEGAWAI AWAM DALAM PROGRAM RASMI KERAJAAN DI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM)

1.0 TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling Kewangan ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan kepada semua warga Universiti akan Perolehan Perkhidmatan Kepakaran Daripada Kalangan Bukan Pegawai Awam Dalam Program Rasmi Kerajaan Di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Penglibatan orang awam dalam program rasmi Universiti serta perolehan perkhidmatan kepakaran individu atau kumpulan daripada kalangan bukan pegawai awam telah menjadi satu keperluan di Universiti.
- 2.2 Lazimnya, penetapan kadar bayaran dan perolehan yang melibatkan individu atau kumpulan swasta adalah berdasarkan peraturan yang berkuat kuasa. Kadar bayaran bagi mana-mana perkhidmatan yang tidak dinyatakan dalam peraturan yang berkuat kuasa pula perlu mendapat kelulusan khas daripada Pihak Berkuasa Melulus Universiti.
- 2.3 Bagi memastikan penetapan kadar bayaran kepada golongan sasaran dan perolehan perkhidmatan kepakaran daripada individu atau kumpulan, daripada kalangan bukan pegawai awam dalam program rasmi Kerajaan dapat dilaksanakan dengan teratur serta meningkatkan produktiviti sektor awam, Kementerian Kewangan telah mengeluarkan PP/WP10.9 pada 15 Januari 2021 sebagai sumber rujukan yang komprehensif kepada semua Agensi Kerajaan.

- 2.4 Peraturan ini telah diperakukan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Bil. 4/2021 pada 2 Julai 2021 dan telah diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil. 3/2021 pada 5 Julai 2021.

3.0 PEMAKAIAN

- 3.1 Pindaan di bawah Bahagian Pengurusan Perolehan Universiti (PU) adalah seperti berikut :

3.1.1 **BAB P : PEROLEHAN-PEROLEHAN YANG DIKECUALIKAN DARIPADA TATACARA PEROLEHAN KERAJAAN**

- 3.2 Pekeliling ini berkuatkuasa dari tarikh surat ini dikeluarkan.
- 3.3 Peraturan Kewangan Dan Perakaunan Universiti (PKPU) yang lengkap boleh dicapai di laman sesawang Pejabat Bendahari iaitu <https://pkpu.utem.edu.my/index.php/3-0-bahagian-pengurusan-perolehan-universiti-pu/bab-p-perolehan-perolehan-yang-dikecualikan-daripada-tatacara-perolehan-kerajaan>

Sekian, harap maklum.

“PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”

Saya yang menjalankan amanah,



KHAIRUL BIN TAIB

Bendahari

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

NBY/UGPS/SPKPindaanPKPU11